

Dua lelaki diberkas, 12,000 biji pil kuda ditemui

Rampas bekalan dadah RM120,000

Oleh **BAHRUDDIN HATTA**

TANAH MERAH – Polis mem-berkas dua pengedar dadah dan merampas 12,000 biji pil kuda bernilai RM120,000 dalam ser-buan berasingan di sini Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Tanah Merah, Deputy Superintendan Zainuddin Md. Yusuf berkata, dalam tangkapan pertama, polis menahan seorang lelaki berusia 47 tahun di tepi jalan di Kampung Bukit Gading di sini pada pukul 3.15 petang.

Katanya, sebelum tangkapan dijalankan, anggota polis telah membuat pemerhatian di lokasi tersebut selama 10 minit sebelum melihat sebuah kereta jenis Perodua Alza berhenti di tepi ja-lan.

“Anggota polis telah mendekati

ti kereta itu dan melihat suspek membuang sesuatu daripada tangan kanannya sebelum cuba melarikan diri.

“Selepas berlaku pergelutan, polis berjaya menahan suspek dan menemui 8,000 biji pil kuda yang dianggarkan bernilai RM80,000 telah dibuang oleh lelaki itu sebelum ditangkap,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut Zainuddin, pemerik-saan lanjut di dalam kereta itu turut menemui wang tunai se-banyak RM500.

Sementara itu, dalam tangkapan kedua, polis menahan seorang lelaki berusia 21 tahun di tepi jalan Wan Ahmad di sini kira-kira pukul 6.45 petang pada hari yang sama.

Katanya, pemeriksaan di dalam poket seluar pendek yang

dipakai suspek membawa ke-pada penemuan 10 paket plastik berwarna biru yang dipercayai mengandungi 4,000 biji pil kuda dianggarkan bernilai RM40,000.

Menurutnya, sebelum tangkapan dijalankan, polis telah membuat risikan awal mengenai kegiatan yang dijalankan oleh suspek.

“Ujian air kencing yang di-jalankan ke atas suspek menda-pati mereka positif dadah jenis methamphetamine, namun tidak mempunyai sebarang rekod lampau.

“Mereka ditahan reman se-lama tujuh hari sehingga Jumaat ini untuk membantu siasatan,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.



ZAINUDDIN (tengah) menunjukkan sebahagian pil kuda yang dirampas daripada dua lelaki pada sidang akhbar di Tanah Merah semalam.